



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM**  
**PERHIMPUNAN BULANAN KPWKM BIL.7/2025**

**LOKASI / TARikh / MASA**  
**DEWAN NUR KPWKM, PUTRAJAYA**  
**30 JULAI 2025 (RABU)**  
**3.30PM**

*Kemas kini 29 Julai 2025*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

1. **Alhamdulillah**, marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam **Perhimpunan Bulanan KPWKM Bilangan 7 Tahun 2025.**

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada **Jabatan Kebajikan Masyarakat** kerana menjadi pengajur perhimpunan kita pada kali ini. Perhimpunan seperti ini bukan sekadar rutin bulanan, tetapi merupakan platform penting untuk memperkuuh semangat kekitaan dan kebersamaan sebagai sebuah keluarga besar KPWKM.

3. Tema perhimpunan bulan ini iaitu “Kepelbagaian Budaya” amat bertepatan dengan peranan kita sebagai kementerian yang mendokong agenda kesejahteraan sosial negara. Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan pelbagai budaya, adat dan tradisi. Di KPWKM sendiri, kita datang daripada pelbagai latar belakang, namun bersatu atas matlamat yang sama – memastikan setiap rakyat Malaysia mendapat pembelaan, hak dan peluang untuk hidup bermaruah.

4. Kepelbagaian bukan sekadar untuk diraikan pada musim perayaan. Ia mesti hidup dalam cara kita bekerja setiap hari — memahami sensitiviti budaya, menghargai adab, dan menghormati perbezaan. Daripada perbezaan inilah lahirnya kekuatan dan kreativiti yang menjadi kelebihan terbesar kita.

5. Justeru, KPWKM harus menjadi sebuah kementerian yang bukan sahaja berbudaya profesional, tetapi juga kaya dengan nilai empati, kefahaman silang budaya, dan kesungguhan untuk berkhidmat kepada rakyat dengan hati yang tulus.

Puan-puan dan tuan-tuan,

6. Bulan Julai ini memperlihatkan bagaimana KPWKM terus menerajui pelbagai inisiatif yang memberi kesan nyata kepada rakyat. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada **YBhg. Dato' Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN**, dan semua warga KPWKM yang menerima pelbagai pingat dan darjah kebesaran pada bulan ini. Pengiktirafan ini adalah bukti bahawa kerja kita dilihat, dihargai, dan diiktiraf di peringkat nasional.

7. Di peringkat antarabangsa, KPWKM terus menyerlah melalui penyertaan dalam **2025 Global Summit of Women (GSW2025) di Berlin**. Saya sendiri mengetuai delegasi Malaysia bersama-sama Datuk Dr. KSU.

8. Dalam persidangan yang menghimpunkan **lebih 1,000 peserta dari 60 buah negara** ini, kita telah membentangkan program **Women Gig@BIT** yang memperkasa wanita dalam ekonomi digital. Perbincangan melibatkan isu kepimpinan wanita global, kesan teknologi kecerdasan buatan, dan peluang-peluang baharu yang perlu kita manfaatkan.

9. Selain itu, KPWKM dengan kerjasama Republik Korea telah menganjurkan **ASEAN + ROK Conference on Care and Support for Older Persons di Kuala Lumpur**. Persidangan ini berjaya menghimpunkan pakar-pakar dari seluruh ASEAN untuk berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik dalam penjagaan warga emas, seiring dengan cabaran negara kita menuju status negara tua menjelang 2030.

10. Pada masa yang sama, KPWKM turut mengetengahkan aspirasi Malaysia dalam sektor penjagaan melalui penyertaan di **World Expo Osaka, Jepun**. Dalam ekspo ini, kita memperkenalkan Kerangka Strategik dan Pelan Tindakan Penjagaan 2026–2030 sebagai usaha menjadikan sektor penjagaan sebagai pemacu ekonomi baharu yang inklusif dan mampan.

11. LPPKN pula, bersama UNFPA, DOSM dan Universiti Malaya, telah melaksanakan **Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025**. Tema sambutan tahun ini, “Memperkasa golongan muda untuk membentuk keluarga yang mereka inginkan,” membawa mesej bahawa setiap dasar yang kita rangka perlu berpaksikan harapan dan impian rakyat.

12. Kita juga meraikan kejayaan **Majlis Konvokesyen MamaCare Ke-4** yang melahirkan seramai **730** graduan baharu dengan **Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4**. Sehingga kini, seramai 1,482 pengamal telah ditauliahkan. Inilah contoh kejayaan program berterusan yang benar-benar mengubah kehidupan wanita.

13. JPW pula telah melancarkan **Program Kasih Ibu Tunggal (KasihnITa) 2025** yang memberi latihan kemahiran perundangan, pengurusan kewangan, dan pembangunan potensi kepada ibu tunggal agar mereka lebih berdaya saing.

14. Di Terengganu, Program Aku Wanita@KRT melibatkan lebih 500 peserta dengan pelbagai sesi advokasi termasuk Slot “Ayuh Berani Lapor” dan intervensi K-Chat bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga bangkit semula.

15. Sementara itu, Program Walkabout Khas Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030 di Parlimen telah memperkuuh kefahaman mengenai dasar penting ini dalam kalangan pembuat dasar, dengan penyertaan pelbagai pihak termasuk isteri Perdana Menteri, YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

16. Kita juga menganjurkan **Usrah Madani** bersama **Syeikh Mohammad Akram Nadwi**, seorang ilmuwan Islam tersohor, yang menekankan peranan wanita dalam pembangunan negara. Di samping itu, YKN telah melaksanakan **Bootcamp Transisi Dinamik** yang memberi peluang kedua kepada **128 bekas penghuni institusi JKM** untuk membina kehidupan baharu yang lebih bermakna.

17. Tidak ketinggalan, ISM telah menganjurkan Program SCAMTECH bersama PDRM dan Bank Negara bagi meningkatkan kesedaran tentang jenayah penipuan digital. Dalam era teknologi moden, pendidikan keselamatan siber adalah benteng utama melindungi rakyat daripada menjadi mangsa.

18. Bulan ini juga menyaksikan KPWKM menerima Anugerah ASEAN PR Excellence Awards 2025 (Social Impact) sempena Kuala Lumpur International Public Relations Conference 7 (KLIP7). Tahniah kepada Unit Komunikasi Korporat atas kejayaan ini. Kursus Inspired Team di Taiping pula telah menyemai nilai kerja berpasukan dalam kalangan warga KPWKM.

## **PENUTUP**

19. Hadirin yang saya hormati, kita kini berdepan dengan pelbagai cabaran baharu – daripada isu sosial yang semakin kompleks, penuaan penduduk, eksloitasi kanak-kanak dan wanita, hingga kepada perkembangan teknologi dan ekonomi digital yang bergerak pantas.

20. Untuk menghadapi cabaran ini, saya menyeru semua warga KPWKM untuk meningkatkan kapasiti diri melalui pembelajaran berterusan, berinovasi dalam mencari penyelesaian yang efektif, memperkuuh penyampaian perkhidmatan yang mesra rakyat, serta membina kerjasama yang lebih erat dengan pelbagai pihak.

21. Setiap pencapaian yang saya kongsikan hari ini membuktikan bahawa kerja kita di KPWKM membawa impak besar kepada rakyat. Setiap usaha, sekecil apa pun, menjadi harapan besar bagi mereka yang kita bantu.
22. Marilah kita terus berkhidmat dengan dedikasi, integriti, dan keikhlasan. Bersama, kita mampu membina sebuah kementerian yang bukan sahaja efektif melaksanakan dasar, tetapi juga dekat di hati rakyat.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah  
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**  
**30 Julai 2025**